



**KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

**KENYATAAN MEDIA
INDEKS KOS BAHAN BINAAN
OGOS 2023**

Indeks harga seunit besi mencatatkan penurunan antara negatif 0.6 peratus dan negatif 4.0 peratus pada Ogos 2023

PUTRAJAYA, 8 September 2023 – Pada hari ini Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan **SIARAN KHAS UNTUK KERJA-KERJA PEMBINAAN BANGUNAN DAN STRUKTUR OGOS 2023**. Penerbitan ini menyediakan indeks harga seunit bahan binaan utama dan Indeks Kos Bahan Binaan Bangunan (IKB) mengikut kategori bangunan dan kawasan.

Dalam kenyataan hari ini, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan bahawa perbandingan bulanan mengikut bahan binaan dan kawasan terpilih menunjukkan penurunan indeks harga seunit bagi bahan binaan seperti besi, papan lapis dan keratan keluli & logam bagi hampir semua kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Ketua Perangkawan Malaysia turut menyatakan perbandingan bulanan pada Ogos 2023 mencatatkan penurunan indeks harga seunit besi iaitu antara negatif 0.6 peratus dan negatif 4.0 peratus bagi hampir semua kawasan kecuali di Pulau Pinang, Kedah & Perlis, Kota Kinabalu dan Kuching. Indeks harga seunit keratan keluli & logam pula mencatatkan penurunan antara negatif 0.3 peratus dan negatif 2.0 peratus bagi beberapa kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Penurunan indeks harga besi dan keratan keluli & logam ini adalah seiring dengan senario penurunan harga besi dan bijih besi di peringkat global.

Menurut laporan *Commodity Markets Outlook* oleh *World Bank*, April 2023, harga logam meningkat sedikit pada awal tahun 2023 dan dijangka turun lapan peratus berbanding tahun lepas, terutamanya disebabkan oleh permintaan global yang lemah dan bekalan yang bertambah baik. Tambahan daripada itu, berdasarkan data bulanan daripada sumber *Commodity Markets* oleh *World Bank*, purata harga bijih besi mencatatkan penurunan 10.7 peratus pada 2023 (Januari hingga Julai 2023) berbanding tempoh yang sama pada tahun 2022. Menurut laporan daripada Mining.com pula, kemerosotan dalam harga bijih besi berlanjutan berikutan kebimbangan tentang kekangan pengeluaran keluli dan prospek pemulihan bagi sektor hartanah domestik yang perlahan di China.

Selain daripada besi dan keluli & logam, indeks harga seunit simen bagi kebanyakan kawasan kekal tidak berubah berbanding Julai 2023 kecuali terdapat sedikit peningkatan bagi kawasan Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan (0.3%) dan Johor (1.2%). Manakala terdapat penurunan harga dicatatkan bagi kawasan Pulau Pinang, Kedah, Perlis (-0.1%) dan Kuching (-0.2%). Walau bagaimanapun, papan lapis pula telah mencatatkan peningkatan harga iaitu 2.8 peratus bagi semua kawasan di Semenanjung Malaysia, manakala penurunan harga negatif 2.0 peratus dicatatkan bagi semua kawasan di Sabah dan Sarawak.

Perbandingan secara tahunan untuk tempoh Ogos 2022 dan Ogos 2023 menunjukkan indeks harga seunit simen mencatatkan peningkatan antara 2.6 peratus dan 24.1 peratus bagi kesemua kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak kecuali di Sibu dan Miri. Peningkatan tertinggi indeks harga seunit simen adalah kawasan Kelantan & Terengganu (24.1%) dan diikuti oleh kawasan Pulau Pinang, Kedah dan Perlis (19.9%). Indeks harga seunit besi mencatatkan penurunan antara negatif 0.8 peratus hingga negatif 15.2 peratus bagi Ogos 2023 berbanding bulan yang sama tahun lalu. Walau bagaimanapun, terdapat peningkatan indeks harga seunit besi dicatatkan di Pulau Pinang, Kedah dan Perlis (1.4%).

Ketua Perangkawan Malaysia turut menyatakan bahawa purata harga seunit besi yang terdiri daripada bar bulat keluli lembut dan *Mycon 60 high tensile deformed bars* adalah RM3,620.05 bagi setiap tan metrik dengan penurunan yang kecil iaitu 0.1 peratus berbanding bulan sebelumnya (Julai 2023: RM3,622.85 per tan metrik). Manakala, purata harga simen (*Ordinary Portland*) pula mencatatkan sedikit peningkatan iaitu 0.2 peratus

(Julai 2023: -0.1%), dengan purata harga RM22.89 per 50 kg berbanding RM22.84 (Julai 2023).

Selain daripada itu, indeks Kos Bahan Binaan Bangunan (IKB) (termasuk bar keluli) bagi semua kategori bangunan di Semenanjung Malaysia pada Ogos 2023 meningkat antara 0.1 peratus dan 1.4 peratus berbanding bulan sebelumnya. Peningkatan tertinggi adalah bagi kategori bangunan (konkrit tetulang) 2-4 tingkat (berbumbung rata) di kawasan Pulau Pinang, Kedah dan Perlis.

IKB (termasuk bar keluli) di Sabah menunjukkan penurunan di antara negatif 0.1 peratus dan negatif 1.3 peratus bagi hampir semua kategori bangunan di Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau pada Ogos 2023 berbanding bulan sebelumnya.


Perbandingan bulanan IKB (termasuk bar keluli) di Sarawak pada Ogos 2023 menunjukkan peningkatan indeks di antara 0.1 peratus dan 0.3 peratus bagi tiga kategori bangunan di Kuching iaitu cerucuk konkrit (0.3%), bangunan konkrit tetulang 2-4 tingkat (berbumbung rata) (0.1%) dan bangunan konkrit tetulang 2-4 tingkat (berbumbung curam) (0.1%). Manakala indeks bagi kategori bangunan lain di Kuching kekal tidak berubah. Dua daripada sepuluh kategori bangunan di Sibu dan Miri merosot sebanyak 0.1 peratus manakala indeks bagi lain-lain kategori bangunan kekal tidak berubah.

DOSM sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden dalam memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.


DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah "Statistik Nadi Kehidupan".

Carta 1: Purata Harga Bar Keluli, Malaysia, Januari 2022 – Ogos 2023



Carta 2: Purata Harga Simen, Malaysia, Januari 2022 – Ogos 2023



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
8 SEPTEMBER 2023**



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT
BUILDING COST INDEX, MALAYSIA
AUGUST 2023

The price index of steel recorded a decrease between negative 0.6 per cent and negative 4.0 per cent in August 2023

PUTRAJAYA, September 8, 2023 – The Department of Statistics Malaysia (DOSM) published **SPECIAL RELEASE FOR BUILDING AND STRUCTURAL WORKS, AUGUST 2023**, today. This release presents the unit price index of major building materials and the Building Cost Material Index (BCI) by building category and region.

In a statement today, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said that, a month-on-month comparison of construction materials and selected areas showed a decrease in the unit price index for selected materials such as steel, plywood and steel & metal sections for almost all areas of Peninsular Malaysia, Sabah, and Sarawak.

The Chief Statistician of Malaysia also stated that a monthly comparison in August 2023 recorded a decrease between negative 0.6 per cent and negative 4.0 per cent in the price index per unit of steel for almost all areas except Pulau Pinang, Kedah & Perlis, Kota Kinabalu and Kuching. Apart from steel, the price index per unit of steel & metal sections also recorded a decrease, which is between negative 0.3 per cent and negative 2.0 per cent for certain areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak. The decrease in the price index of steel and steel & metal sections was in line with the scenario of decreases in the prices of steel and iron ore at the global level.

According to a report of Commodity Markets Outlook by the World Bank in April 2023, steel prices increased slightly in early 2023 and are expected to fall eight per cent as compared to last year, mainly due to weak global demand and improved supply. In addition, based on monthly data from Commodity Market by the World Bank, the average price of iron ore recorded a decrease of 10.7 per cent in 2023 (January to July 2023) as compared to the same period in 2022. According to a report from the Mining.com, the decline in iron ore prices continued due to concerns about constrained in steel production and recovery prospects for China's stagnant domestic real estate sector.

Apart from steel and steel & metal sections, the unit price index of cement for most areas remained unchanged as compared to July 2023 except for a slight increase for areas of Selangor, W.P. Kuala Lumpur, Melaka & Negeri Sembilan (0.3%) and Johor (1.2%). Meanwhile, decrease in prices was recorded in Penang, Kedah, Perlis (-0.1%) and Kuching (-0.2%). Nevertheless, plywood recorded a price increase of 2.8 per cent for all areas in Peninsular Malaysia, while a price decrease of negative 2.0 per cent was recorded for all areas in Sabah and Sarawak.

An annual comparison for the period of August 2022 and August 2023 showed that the unit price index of cement has recorded an increase between 2.6 per cent and 24.1 per cent for all areas in Peninsular Malaysia, Sabah, and Sarawak except Sibu and Miri. The highest increase in the price index per unit of cement was in Kelantan & Terengganu (24.1%) followed by Pulau Pinang, Kedah and Perlis (19.9%). The price index per unit of steel decline between negative 0.8 per cent to negative 15.2 per cent for August 2023 as compared to the same month last year. However, an increase in the unit price index of steel was registered in Pulau Pinang, Kedah, and Perlis (1.4%).

The Chief Statistician of Malaysia also explained that the average price per unit of steel, consisting of mild steel round bars and Mycon 60 high tensile deformed bars was RM3,620.05 per metric tonne, recording a slight decrease of 0.1 per cent as compared to the previous month (July 2023: RM3,622.85 per metric tonne). Meanwhile, the average price of cement (Ordinary Portland) showed an increase at a slower rate of 0.2 per cent (July 2023: -0.1%), with an average price of RM22.89 per 50 kg as compared to RM22.84 (July 2023).

Apart from that, the Building Cost Material Index (BCI) (with steel bars) for all building categories in Peninsular Malaysia in August 2023 increased between 0.1 per cent and 1.4 per cent as compared to the previous month. The highest increase was recorded for categories of 2- 4 storey building (reinforced concrete) building (flat roof) in Pulau Pinang, Kedah and Perlis.

The BCI (with steel bars) for Sabah recorded a slower decrease between negative 0.1 per cent and negative 1.3 per cent for almost all construction categories in Kota Kinabalu, Sandakan and Tawau in August 2023 as compared to the previous month.

A monthly comparison of BCI (with steel bars) in Sarawak for August 2023 showed an increase in the index between 0.1 per cent and 0.3 per cent for three categories of buildings in Kuching, namely reinforced concrete piling (0.3%), 2-4 storey reinforced concrete buildings (flat roof) (0.1%), 2-4 storey reinforced concrete buildings (pitched roof) (0.1%). Meanwhile, index for other categories of buildings in Kuching remained unchanged. Two out of ten building categories in Sibu and Miri declined by 0.1 per cent while the index of other categories remained unchanged.

DOSM is conducting the Economic Census in 2023. DOSM greatly appreciates the cooperation of respondents in providing information and ensuring the success of this census. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”.

Chart 1: Average Price of Steel Bar, Malaysia, January 2022 – August 2023





Chart 2: Average Price of Cement, Malaysia, January 2022 – August 2023



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
8 SEPTEMBER 2023**